

## Kebangkitan Islam di Malaysia Sebelum Kemerdekaan

### The Rise of Islam in Malaysia Before Independence

ISHAK SAAT & KHAIRI ARIFFIN

#### ABSTRAK

*Kemunculan Islam di Tanah Melayu adalah hasil usaha para pendakwah yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Arab, Cina dan juga India. Mereka membawa Islam dan menyebarkannya di alam Melayu. Namun setelah orang Melayu menerima Islam, kebangkitan Islam dilihat terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dek kerana pegangan orang Melayu terhadap Islam yang longgar. Kelonggaran ini merujuk kepada sifat atau kefahaman selapis yang hanya tertumpu kepada ritual semata-mata seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji sahaja. Berdasarkan kepada sumber primer dan sekunder, makalah ini bermatlamat mengungkap sejarah kebangkitan Islam di Malaysia sebelum merdeka. Era sebelum merdeka memperlihatkan amalan Islam yang terikat secara tradisi dalam lingkaran adat budaya Melayu. Kajian menunjukkan bahawa kebangkitan Islam pada awal abad ke-20 banyak menimbulkan konflik secara terang-terangan antara pendakwah yang digelar Kaum Muda dengan Kaum Tua. Konflik ini melibatkan fahaman dan pendekatan dakwah antara golongan konservatif dengan golongan reformis Islam. Walaupun dewasa ini penggolongan orang Melayu dalam kategori ini sudah tidak lagi berlaku, tetapi fahaman Islam sebagai agama ritual semakin menebal dalam kalangan sesetengah orang Melayu. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa golongan ini turut berkonflik disebabkan wujudnya segolongan orang Melayu yang ingin menegakkan Islam sebagai agama yang memerintah dan bukan sebagai agama yang diperintah. Kaum Muda percaya Islam merupakan satu cara hidup yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Malah berusaha untuk memastikan Islam sebagai agama yang dominan dalam kehidupan.*

*Kata kunci: British; Burhanuddin Al Helmy; Hizbul Muslimin; Kaum Muda; Kaum Tua*

#### ABSTRACT

*Islam was established in Malaya as a consequence of the efforts of preachers of various races, including Arabs, Chinese, and Indians. They brought Islam to the Malay world and propagated it worldwide. However, once the Malays accepted Islam, the spread of Islam was believed to confront various barriers as a result of the Malays' tenuous hold on Islam. This relaxation refers to the character or comprehension of a phase that is solely concerned with religious practises like as prayer, fasting, zakat, and hajj. This study will examine the emergence of Islam in Malaysia before to independence using primary and secondary sources. Pre-independence Malaysia demonstrated Islamic practises that were typically connected to Malay cultural customs. According to studies, the development of Islam in the early twentieth century resulted in several outbursts between the preachers dubbed the Young and the Old. This disagreement centres on the way conservatives and Islamic reformists view and approach da'wah. Although the Malays are no longer attached with the classification of this religious group, some Malays are gaining a more nuanced understanding of Islam as a ritual religion. Additionally, this study discovered that this group is divided due to the existence of a section of Malays that wish to maintain Islam as the ruling religion, rather than the ruled religion. Islam, according to young people, is a way of life that encompasses political, economic, and social dimensions. Even if it means ensuring Islam is the world's dominant religion.*

*Keywords: British; Burhanuddin Al Helmy; Hizbul Muslimin; Youth; The Elders*

#### PENDAHULUAN

Dunia Melayu melalui proses transformasi agama, fahaman dan kepercayaan. Bermula dengan kepercayaan Pagan, Animisme, Hindu-Buddha dan

kemudiannya Islam. Namun kebanyakannya bersifat selapis iaitu beranggapan Islam hanya sekadar agama ibadah khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji semata-mata. Masyarakat Melayu dewasa ini masih dilihat mengamalkan amalan seperti amalan

bomoh, majlis perkahwinan berunsur amalan agama Hindu, majlis tepung tawar dan mengamalkan serta memahami Islam secara selapis semata-mata (Mahayudin Haji Yahaya 2001) sama ada secara sedar mahupun secara tidak sedar. Rata-rata orang Melayu walaupun telah beralih kepada Islam namun kehidupan seharian mereka masih lagi bercampur dengan berunsur-unsur animisme mahupun Hindu-Buddha. Fenomena ini terjadi kerana ilmu Islam yang dipelajari hanya sekadar Islam ritual semata-mata. Justeru itu, segolongan anak muda Melayu yang berpendidikan Timur Tengah berusaha memperbetulkan perspektif ini dan mereka berhadapan dengan pelbagai rintangan. Bagi mereka yang sedar tentang kepentingan pendidikan Islam berusaha menghantar anak mereka menuntut ilmu di Timur Tengah. Malah usaha untuk menghantar anak-anak muda Melayu sering digalakkan melalui majalah *Seruan Azhar* (CO273/534 The Malayan Bulletin of Political Intelligence 1926).

#### PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses kebangkitan Islam di Malaysia sebelum merdeka memperlihatkan pelbagai cabaran yang perlu dihadapi. Cabaran utama adalah berkaitan dengan aliran pemikiran konservatif dan aliran reformis. Fenomena ini menyebabkan berlakunya konflik antara Kaum Tua dengan Kaum Muda. Pengkaji ini mengupas perkaitan antara dua aliran ini di Malaysia sebelum merdeka. Walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai 'tribulasi' tetapi kebangkitan Islam di Malaysia tetap berkembang sesuai dengan peredaran masa.

#### TINJAUAN LITERATUR

Pengkajian sarjana terdahulu menjelaskan kebangkitan Islam agak terganggu dengan kedatangan para orientalisme Barat di rantau Melayu. Pandangan ini ditegaskan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1990) bahawa proses Islamisasi di dunia Melayu terganggu menyebabkan pemikiran Islam tidak dapat dijelmakan sesuai Islam sebagai addin.

Begitu juga dengan pandangan Mahayuddin Haji Yahaya (2001) juga mengupas tentang kedatangan imperialis Barat abad ke-16 dan ke-17 melambatkan proses Islamisasi di rantau Melayu, namun abad ke-18 hingga abad ke-20 pula memperlihatkan penerusan proses Islamisasi yang terhenti sejenak kerana gangguan kedatangan imperialis Barat.

Fadhullah Jamil (2000) pula merumuskan bahawa dasar penjajahan Barat di dunia Islam antara lain ingin melemah dan menguasai segala aspek kehidupan umat Islam. Keadaan ini terjadi kerana perancangan dan pelaksanaan penjajahan di dunia Islam bukan sekadar untuk memiliki kekayaan ekonomi semata-mata tetapi mereka turut berusaha mengubah pemikiran masyarakat Islam yang dijajah. Dengan berbuat demikian dunia Islam akan sentiasa lemah dan bersifat kebergantungan kepada Barat.

Justeru itu selaras dengan pandangan pengkaji-pengkaji terdahulu maka Mohd. Isa Othman (2002) menegaskan bahawa dasar British berjaya melahirkan golongan elit Melayu sesuai dengan acuan penjajah dan seterusnya berjaya mengekalkan institusi kesultanan dan pembesar sebagai sebuah institusi yang hanya tinggal pada namanya sahaja malah strategi ini berjaya membendung kesedaran politik bangsa Melayu.

Akhirnya menyebabkan kebangkitan Islam di alam Melayu terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Melalui kajian mereka ini boleh membantu pengkaji melihat, memahami dan membahaskan cabaran dalam proses kebangkitan Islam di Malaysia sebelum merdeka.

#### METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah dengan merujuk kepada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber-sumber ini boleh diperoleh dari Arkib Negara Malaysia dan juga perpustakaan. Dokumen-dokumen yang dikumpul ini di tafsir dengan menggunakan pendekatan kualitatif sesuai dengan pengajian ilmu sejarah. Berdasarkan kepada dokumen-dokumen ini, makalah ini ingin mengungkap sejarah kebangkitan Islam di Malaysia sebelum merdeka. Kaedah kajian yang digunakan ini dapat menjelaskan lagi kajian berkaitan dengan kebangkitan Islam di Malaysia sebelum merdeka.

#### PEMAHAMAN DAN PEMIKIRAN ISLAM

Islam berkembang di alam Melayu melalui peranan ulama dan intelektual Islam yang waktu itu mendapat tempat dalam masyarakat Melayu sama ada pada peringkat istana mahupun peringkat bawahan. Hubungan mereka begitu akrab sehingga dilantik sebagai pegawai istana, guru istana, kadi dan pembesar, bagi memainkan peranan menyebarkan Islam di alam Melayu. Hubungan pemerintah dan para *dai* Islam itu amat rapat sehingga mencorakkan

pemikiran orang Melayu dengan aliran pemikiran Islam. Hubungan erat antara pihak istana dengan ulama turut mempengaruhi urusan pentadbiran agar selaras dengan tuntutan Islam (Awang Had Salleh 1997). Peranan ulama pondok berjaya melahirkan golongan intelektual Melayu Islam. Sistem pondok popular dalam masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua [PDII]. Melalui institusi ini banyak idea baru dilahirkan, generasi baru yang lebih berilmu dan terbuka. Keadaan ini melahirkan kesatuan pemikiran Islam.

Kedatangan imperialisme Barat sekitar abad ke-16 hingga ke-17 menyebabkan proses Islamisasi di rantau Melayu terbantut (Syed Muhammad Naquib Al-Attas 1990). Namun dalam abad ke-18 hingga ke-20 perkembangan sistem pondok dan madrasah melalui kepimpinan ulama moden amat menggalakkan serta dapat membantu perkembangan pemikiran orang Melayu ke arah perjuangan Islam yang lebih syumul. Ini boleh dibuktikan dengan kebangkitan kepimpinan dan keilmuan ulama bukan sekadar menjadi guru pondok sahaja, namun mereka juga turut menjadi penasihat dan pakar rujuk dalam hal agama sama ada dirujuk oleh masyarakat setempat mahupun pemerintah. Keilmuan yang mereka miliki terserlah dan mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa. Antaranya seperti, Syeikh Daud Al Fatani (1764-1847), Syeikh Abdul Samad Al-Palembani, Syeikh Abdul Khatib Sambas, Syeikh Nawawi Banten (1818-1888), Syeikh Ahmad Zain Al Fatani (1856-1908) dan Syeikh Ahmad Khatib Al Minangkabawi (1864-1916). Mereka berjaya menempa nama di Kota Makkah dan diberikan kepercayaan serta penghormatan untuk mengajar di Masjid Al-Haram. Mereka inilah yang menjadi perhubungan antara ulama Melayu dengan ulama Timur Tengah serta ulama dunia Islam yang lain. Para ulama Melayu turut berminat dalam perkembangan politik dunia Islam yang sedang bangkit menentang penjajahan Barat. Di Timur Tengah waktu itu lahir gerakan *Ikhwanul Muslimin* yang berusaha mengubah minda masyarakat Islam tentang perlunya menentang para imperialis (Abdul Muta'al Al-Jabari 1987). Hassan Al Banna menyeru umat Islam di seluruh dunia agar kembali kepada perjuangan Islam dan meletakkan Islam sebagai matlamat hidup; "...*Kembali kepada Allah*" (Hassan Al Banna 1982) Lantaran itu, mereka menjadi penggerak *Ikhwanul Muslimin* untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan umat Islam di dunia. Usaha *Ikhwanul Muslimin* berjaya menambat hati para pemuda serata dunia termasuk anak muda

Melayu. Malah ia berjaya menanamkan semangat jihad Islam untuk menentang penjajah British.

Kebangkitan gerakan Islam ini merupakan sebuah wahana yang menghubungkan antara masyarakat Melayu dengan Islam. Secara tidak langsung ia memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat Melayu agar menjiwai Islam secara lebih mendalam. Pelajar Melayu yang menamatkan pengajian dalam sistem pendidikan pondok kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di Timur Tengah seperti ke Universiti Al Azhar, Kaherah, Mesir dan Universiti Madinah, Arab Saudi. Bermulalah satu era baru dalam arus pemikiran dan kebangkitan Islam di alam Melayu. Sekembalinya mereka itu berperanan sebagai pendakwah serta juga sebagai penyambung warisan pendidikan pondok di Tanah Melayu. Kepimpinan dan keilmuan dalam kalangan ulama Melayu ini bukan sekadar menjadi guru agama semata-mata tetapi melakukan transformasi sistem pondok kepada sistem madrasah. Kehadiran ulama tempatan seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Junid Thala dan Ustaz Abu Bakar Al Baqir melalui institusi madrasah berjaya mendapat sambutan yang cukup menggalakkan dalam masyarakat Melayu.

Gerakan *Ikhwanul Muslimin* di Mesir di bawah kepimpinan para ulama reformis seperti Al Syahid Hassan Al Banna dan Al Syahid Syed Qutub 'mengkaderkan' para pejuang dan meledakkan semangat jihad Islam untuk menentang penjajah Barat di bumi Mesir waktu itu (Fadhullah Jamil 2000). Pesanan terakhir Hassan Al Banna sebelum dijatuhkan hukuman gantung sampai mati, berkaitan dengan seruan jihad meninggalkan kesan yang cukup mendalam terhadap pendukung gerakan *Ikhwanul Muslimin* di seluruh dunia agar terus berjuang (Abdul Muta'al Al-Jabari 1987). Semangat jihad ini turut tersebar di Tanah Melayu melalui Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1896-1956) yang pernah menuntut ilmu di Timur Tengah. Beliau dibantu oleh Syeikh Muhammad Salim al Kalali, Syed Syeikh Al Hadi, Syed Muhammad Aqil dan Haji Abbas Muhammad Taha (Abdul Rahman Abdullah 1998). Aliran pemikiran ini kemudiannya diperjuangkan pula oleh Abu Bakar Al Baqir dan Burhanuddin Al Helmy melalui Maahad Il Ihya As-Sharif dan pertubuhan politik Hizbul Muslimin yang cuba mengajak orang Melayu agar bersatu dan kembali kepada ajaran Islam sebenar. Perkembangan gerakan reformis ini merencanakan perkembangan pemikiran Melayu Islam dalam mengharungi arus

kebangkitan Islam di Tanah Melayu (Muhammad Abu Bakar 1994).

Usaha dan perancangan rapi para imperialis Barat berjaya melemahkan umat Islam seluruh dunia, termasuk Tanah Melayu. Lantaran itu, bagi penulis kebangkitan Islam akan sentiasa diawasi kerana kebangkitan Islam secara menyeluruh mampu menggugat kedudukan para imperialis Barat. Di Nusantara terdapat beberapa pusat penyebaran Islam yang terkenal seperti Melaka, Kelantan dan Aceh. Hatta pada abad ke-15, Aceh terkenal dengan jolokan ‘*Serambi Mekah*’. Di negeri Perak, Islam turut berkembang khususnya di kawasan utara khususnya di daerah Kerian, Gunung Semanggol, Padang Rengas dan Kuala Kangsar, manakala di kawasan pesisir pantai barat negeri Perak pula ialah Bagan Datoh dan Teluk Anson (Nabir Abdullah 1976) Di sini terdirinya sekolah pondok dan madrasah yang berperanan memberikan didikan agama kepada masyarakat setempat. Justeru itu, tahap kefahaman dan kesedaran Islam begitu tinggi dalam masyarakat Melayu kawasan tersebut. Perkembangan Islam di kawasan tersebut bersesuaian dengan pengaruh Kaum Muda yang sedang melanda Tanah Melayu awal abad ke-20.

#### KAUM MUDA

Perkembangan Islam di Tanah Melayu selaras dengan perkembangan institusi pendidikan agama. Dalam institusi agama lahir pelbagai aliran pemikiran orang Melayu terhadap Islam seperti aliran konservatif dan Islah Islam. Peranan dan semangat Kaum Muda dengan semangat reformasi juga lahir waktu itu. (Mohammad Redzuan Othman 2005). Kaum Muda lahir daripada kesedaran Islam yang dibawa pulang oleh mereka yang menuntut ilmu di Timur Tengah. Kaum Muda merupakan gelaran yang diberikan kepada mereka yang baru pulang dari Timur Tengah dan melalui proses tarbiah oleh *Ikhwanul Muslimin* di Mesir (Abdul Muta'al Al-Jabari 1987). Ia lahir daripada peristiwa baiah pemuda di Semenanjung Sinai, Mesir untuk mengembalikan sistem khalifah setelah runtuhnya kerajaan Turki Othmaniah tahun 1924. Mereka berusaha ‘mengkaderkan’ penuntut Islam agar sama-sama bangkit menentang penjajah Barat serta berusaha membebaskan diri daripada cengkaman penjajah. Justeru itu, ‘pengkaderan’ *Ikhwanul Muslimin* dilakukan kepada semua penuntut yang cenderung kepada perjuangan menentang penjajah. Mereka pulang bukan sahaja dengan ijazah tetapi

turut membawa semangat perjuangan menentang penjajah (Mohammad Redzuan Othman 2005). Waktu itu di Timur Tengah khususnya Mesir juga dijajah oleh British sedang berhadapan dengan *Ikhwanul Muslimin* yang menuntut pembebasan negara Islam ini. *Ikhwanul Muslimin* merancang, menyusun dan ‘mengkaderkan’ para pejuang untuk menentang penjajah British di bumi Mesir. Malah semangat ini turut dieksport ke seluruh dunia. Bermula dengan gerakan *Pan-Islamisme* di Timur Tengah dan seterusnya berkembang ke Nusantara (CO537/3751/136798. Pan Islamic Movement).

Berdasarkan perjuangan pengasas gerakan *Ikhwanul Muslimin*, Hassan Al-Banna, Kaum Muda sedar dan memahami betapa pentingnya amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul demi untuk memberikan kesedaran dan memimpin masyarakat Melayu kembali kepada tuntutan Islam yang bersifat syumul. Mereka turut berjuang untuk menghapuskan amalan khurafat yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Waktu itu terdapat golongan ulama tradisi yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu lebih dikenali sebagai Kaum Tua. Usaha mereka ini akhirnya mendapat tentangan daripada Kaum Tua yang sudah selesai dengan cara hidup yang sedia ada (Mohammad Redzuan Othman 2005). Waktu itu pegangan agama dalam kalangan masyarakat Melayu sekadar adat sahaja. Amalan Islam sekadar upacara agama bersifat adat budaya, bukan lagi sebuah agama yang bersifat universal dan syumul. Lantaran itulah, Kaum Muda bertindak lebih agresif dalam melakukan perubahan untuk memberi kesedaran dan pendidikan dalam kalangan orang Melayu. Tindakan mendirikan madrasah moden bagi menggantikan peranan institusi pondok mula dilakukan oleh pendukung Kaum Muda. Ia bertujuan ‘mensistematikkan’ proses pembelajaran di institusi agama.

Melalui institusi madrasah pendidikan didasarkan kepada konsep yang secara relatifnya moden jika dibandingkan dengan institusi pondok. (Mohammad Redzuan Othman 2005). Pengajaran di madrasah tidak dalam bentuk halaqah, sebaliknya dibuat dalam kelas yang disediakan dengan jadual waktu tetap. Mata pelajaran yang diajar pula tidak terbatas kepada pelajaran agama semata-mata, tetapi turut diajar ilmu duniawi seperti Matematik, Mantiq dan Ilmu Alam. Pengajaran di madrasah lebih kepada pengisian keperluan semasa dan mirip kepada pendidikan sekolah vernakular yang diperkenalkan oleh penjajah British, kecuali orientasi agama diberikan penekanan yang lebih. Ia

juga bertujuan agar orang Melayu sedar dan dapat melihat perubahan secara tidak seimbang yang sedang melanda Tanah Melayu ketika itu. Pandangan Kaum Muda ini menimbulkan pelbagai reaksi buruk dalam kalangan rakyat yang terikut-ikut dengan cara ulama tradisional sehingga mereka mengatakan bahawa Kaum Muda cuba memesongkan ajaran Islam yang sebenar. Keberanian Kaum Muda menyanggah pendapat Kaum Tua dilihat sebagai kebangkitan Kaum Muda dalam masyarakat Melayu. Pihak penjajah dan golongan aristokrat Melayu tidak bersetuju dengan tindakan Kaum Muda kerana mereka ini cuba menyedarkan orang Melayu tentang betapa berbahayanya agama jika dipisahkan dengan kegiatan politik dan ekonomi (Mahayuddin Haji Yahaya 2001). Pertembungan pemikiran dan pentafsiran amalan agama dalam masyarakat Melayu, membuatkan terbentuknya suatu era kegawatan antara pemikiran tradisi dan reformis Islam.

Di Perak situasi yang sama turut berlaku. Pertembungan pendekatan antara Kaum Tua dengan Kaum Muda merupakan isu hangat waktu itu. Pembaharuan yang diutarakan tidak mendapat perhatian raja-raja Melayu kerana waktu itu masyarakat Melayu masih kuat dipengaruhi oleh golongan ulama tradisional. Lantaran itu, dua tokoh Kaum Muda di Perak tidak digemari oleh golongan pembesar mahupun raja-raja. Antara mereka adalah Syeikh Tahir Jalaluddin dan Burhanuddin Al Helmy (Ismail Ibrahim et al. 1993). Secara ringkasnya, bermula dengan semangat yang dipelopori oleh Kaum Muda dan Kesatuan Melayu Muda sekitar 1920-an dan 1930-an, gerakan ini berjaya membangkitkan semangat menentang penjajah British. Usaha mereka ini berjaya membangkitkan gerakan Islam yang berbau politik di Tanah Melayu khususnya di Perak, contohnya lahir Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol. Pengasasnya, Abu Bakar Al Baqir. Maahad Il Ihya As-Sharif, merupakan madrasah Kaum Muda, berjaya melahirkan ramai tokoh politik Islam, antara mereka ialah Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan, Othman Hamzah dan juga Baharuddin Latif (Nabir Haji Abdullah 1976). Kemudian kedatangan ulama dari “tanah seberang” turut menyemarakkan lagi kegiatan menentang penjajah. Di antara mereka adalah Tuan Haji Latif Zaki, Haji Yunus Medan dan Abrab Tarmimi serta Syeikh Junid Thala. Di madrasah ini dijadikan pusat gerakan menentang British dan kerjasama dengan pergerakan anti-British seperti PKMM, API dan AWAS (Wan Mohd. Shaghir 2006)

Dalam Persidangan Majlis Agama Tinggi SeMalaya (MATA) pada 12-14 Mac 1948, di Gunung Semanggol, Perak kelihatan jelas wujudnya pengaruh pertubuhan Islam Indonesia seperti Muhammadiyah dan Masjumi (Nabir Abdullah 1976). Kekuatan Ihya As-Sharif turut diperkuatkan lagi dengan kewujudan madrasah aliran Kaum Muda yang senada dan sealiran. Di sini wujudnya hubungan dua hala antara madrasah seperti Madrasah Al Insaniah, Teluk Anson, Madrasah Al Huda Wal Bushra, Sungai Parit, Pasir Panjang, Sitiawan, Madrasah al Ulum al Syariah, Bt. 20, Bagan Datoh dan Madrasah Yahyawiyah, Padang Rengas serta Madrasah Diniyah, Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak. Kerjasama dalam melaksanakan perancangan dakwah dan perjuangan Islam dapat dijalankan dengan baik kerana wujudnya kesatuan pemikiran serta matlamat Islam yang sama, khususnya yang berkaitan dengan aliran Kaum Muda. Dalam masa yang sama dasar British di Tanah Melayu berjaya menjumudkan pemikiran, melemahkan ekonomi, politik, sosial serta pendidikan bangsa Melayu. Ini menyebabkan institusi sultan dan pembesar menjadi boneka sahaja. Sultan-sultan yang dilayan dengan baik oleh British, sebenarnya British mempunyai muslihat untuk melekakan mereka (Mahayudin Yahaya 2001). Keadaan ini menjelaskan bahawa sistem politik sudah dikuasai sepenuhnya oleh pentadbiran British. Bagi mengaburi dan menghalalkan muslihat mereka, kerabat diraja dan anak kaum bangsawan diberikan peluang dan kedudukan istimewa. Mereka berikan keutamaan untuk mendapatkan pendidikan Inggeris, sama ada di dalam mahupun luar negara. Dalam negara sekolah khas diwujudkan bagi anak bangsawan. Kemudian mereka boleh menyambung pelajaran ke luar negara seperti ke Britain (Hairudin Harun 2001). Perkara ini dilakukan oleh British demi kesinambungan pemerintahan ala Barat berkekalan di Tanah Melayu. Di samping pengenalan dasar pendidikan, British juga memperkenalkan sistem raja berperlembagaan di Tanah Melayu. Akal budi bangsa Melayu tercorak bersesuaian dengan proses pembaratan.

Melalui kaedah ini penjajah British berjaya mengekang kesedaran berpolitik dalam kalangan sultan dan pembesar Melayu. Dasar ini berlanjutan puluhan tahun, hidup terleka dengan kesenangan dan kemewahan yang disogokkan oleh penjajah sehinggakan bangsa Melayu menderita tanpa pembelaan. Bagi golongan bangsawan pula mereka lebih selesa dan menentang segala bentuk

penentangan terhadap British kerana turut mendapat layanan istimewa. Bagi mereka orang Melayu sudah pun mendapat layanan istimewa seperti hak istimewa dan pengekalan kawasan pertempatan seperti tanah rizab Melayu. Kenyataan ini pernah ditegaskan oleh Raja Abdul Aziz, Raja Muda Perak di Majlis Jamuan Teh anjuran Persatuan Melayu Perak sempena penganugerahan pingat oleh Ratu Inggeris pada tahun 1937 (Maymon Arif 1973). Maka segala bentuk penentangan terhadap British sukar mendapat restu daripada pihak sultan dan bangsawan. Bagi memperkukuhkan cengkaman dan kedudukan penjajah, orang Melayu dibiarkan dalam keadaan sedia ada. Orang Melayu tidak dibangunkan sepenuhnya, malah dibiarkan kekal dalam serba kekurangan (Mohd. Isa Othman 2002). Kemudian bagi jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran British di Tanah Melayu hanya dibuka kepada segelintir elit Melayu yang berpendidikan Barat sahaja. Bagi mereka yang berpendidikan Islam tiada tempat dalam sistem pentadbiran British, mereka lebih senang mewujudkan hubungan dengan pelbagai pertubuhan dan pergerakan Islam yang lain. Mereka ini tidak bergantung harap kepada penjajah. Namun mereka juga mempersoalkan kenapa terdapat layanan 'Double Standard' (CO 537/6016.SECRET). *Anti-British Propaganda Among Malay Pilgrimage at the Hejaz* Atas nama Islam maka perjuangan menentang penjajah melangkaui sempadan sesuatu negara. Maka wujud hubungan Gerakan Melayu Patani Raya (GMPR) dengan Maahad Il Ihya As-Sharif dan juga Hizbul Muslimin, saling bekerjasama sama ada dalam persidangan MATA mahupun dalam perjuangan membela golongan Melayu Patani yang ditindas kerajaan Thailand. Tuan Guru Haji Sulong pemimpin masyarakat Melayu Patani bekerja keras meniupkan semangat perjuangan menentang kezaliman kerajaan Thailand melalui pertubuhan *Semangat Patani* (CO537/3751/136798. Pattani Affiars). Perjuangan ini selaras dengan tuntutan perjuangan MATA yang diperjuangkan oleh Hizbul Muslimin. Namun perjuangan mereka menemui kegagalan apabila pihak kerajaan Thailand tidak memberikan reaksi positif tetapi sebaliknya bertindak agresif dengan menuduh mereka sebagai anti-Thai. Lantaran itu, Tuan Guru Haji Sulong ditangkap dan dipenjarakan pada 16 Januari 1948 (Nik Anuar Nik Mahmud 1999). Penangkapan ini menjadi pemangkin teretusnya perjuangan bersenjata di Dusun Nyior pada 26 April 1948 (Mohd. Zamberi 1994). Ekoran daripada peristiwa berdarah ini membuatkan lebih ramai golongan

Melayu Patani berhijrah ke utara Semenanjung Tanah Melayu (Auni Abdullah 1991). Penghijrahan ini memperkuat lagi masyarakat Melayu Patani di kawasan utara dalam gerakan menentang penjajahan British di Tanah Melayu pula.

#### PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA

Sistem pendidikan madrasah berjaya membantu perkembangan pemikiran masyarakat Melayu sama ada dari segi sosial, ekonomi dan juga politik sebelum merdeka. Melalui institusi ini juga masyarakat Melayu turut diajak berjuang dalam bidang ekonomi dan politik. Lantaran itu, pelbagai konvensyen diadakan seperti konvensyen MATA dan Konvensyen Ekonomi, dijalankan di Maahad Il Ihya As-Sharif sehingga lahirnya Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya (PEPERMAS) pada 23 Mac 1947. Institusi ini turut berusaha mencelikkan pemikiran masyarakat Melayu kepada perjuangan politik Islam dengan menubuhkan Hizbul Muslimin pada 14 Mac 1948 (Nabir Abdullah 1976)

Peranan ulama dalam sistem pendidikan Islam seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Abu Bakar Al Baqir, Burhanuddin Al Helmy, Baharuddin Latif dan Zulkifli bin Muhammad telah membuka minda masyarakat Melayu waktu itu. Mereka diterima sebagai pakar rujuk dan pemimpin, malah berjaya mewujudkan *realignment of forces* dalam masyarakat, apatah lagi sekiranya komitmen yang baru itu memusatkan pemikiran dan perlakuan orang ramai kepada perjuangan yang tidak pernah kedapatan sebelumnya. Perkembangan ini boleh mengubah suasana sosial dan membentuk kehidupan baru sehingga perjalanan komuniti atau perkampungan yang berkisar kepada persekolahan dan ulama pondok mengalami transformasi dari segi bentuk (*form*) dan isi (*content*) (Muhammad Abu Bakar 1997). Kelahiran Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol adalah bukti jelas terhasil daripada gelombang kesedaran Islam tersebut. Situasi ini telah mencorakkan pemikiran orang Melayu kepada suatu bentuk kefahaman Islam yang lebih terbuka dan bersifat universal. Ia bukan sekadar memberikan pendidikan agama semata-mata, tetapi di sini bermulanya gelombang kesedaran orang Melayu untuk memperbaiki diri dan terus maju. Ia juga turut meniupkan semangat anti-British. Keadaan ini melahirkan golongan Kaum Muda yang berjiwa besar dan bersemangat kental dalam usaha meniupkan semangat jihad.

Waktu itu kefahaman Islam berbentuk ibadah ritual semata-mata, banyak amalan khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam diamalkan dan menjadi pegangan budaya dalam masyarakat Melayu seperti upacara mandi Safar, kenduri tolak bala, upacara tepung tawar, amalan persandingan dan kepercayaan tahayul (Garis Panduan Khurafat dan Azimat 1997). Kebiasaan kepada amalan yang menjadi pegangan orang Melayu ini terjadi kerana kurangnya usaha daripada Kaum Tua untuk memperbetulkan kekaburan itu. Kaum Tua dan masyarakat sudah amat selesa dengan cara kehidupan yang diamalkan waktu itu. Kedudukan Kaum Tua waktu itu amat disegani dan dihormati malah mereka mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat setaraf dengan bangsawan Melayu. Hubungan antara Kaum Tua dengan bangsawan Melayu amat rapat. Justeru itu, kehadiran Kaum Muda seolah-olah mencabar kedudukan dan keegoan Kaum Tua (Ismail Ibrahim et al. 1993). Keadaan ini mewujudkan dua aliran perjuangan dalam masyarakat Melayu iaitu perjuangan berasaskan syariat Islam dan satu lagi perjuangan kebangsaan Melayu (Burhanuddin Al Helmy 1956). Lantaran itu, persoalan Islam dan kebangsaan Melayu bagi Burhanuddin Al Helmy merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Perjuangan orang Melayu tidak boleh dipisahkan antara perjuangan kebangsaan dan Islam kerana kedua-dua aspek ini saling berkait. Bagi beliau perjuangan berasaskan kebangsaan ini hanyalah salah satu alat untuk mencapai kesejahteraan hidup dunia dan akhirat (Burhanuddin Al Helmy 1946). Penulis berpendapat beliau merupakan ahli politik kebangsaan Melayu yang meletakkan Islam sebagai teras dan prinsip dalam perjuangannya. Malah setiap kali memimpin pergerakan politik beliau akan berusaha untuk mengembangkan pemikiran Islam agar diterima oleh semua. Beliau menolak perjuangan yang bermatlamatkan kebangsaan Melayu semata-mata kerana perjuangan tersebut adalah perjuangan *assobiyyah* yang bertentangan dengan tuntutan agama (Siddiq Fadil 1998). Lantaran itu, beliau menolak perjuangan UMNO.

#### KESIMPULAN

Dapatan kajian memperlihatkan perkembangan aliran pemikiran Islam di Tanah Melayu selaras dengan kebangkitan gerakan reformasi Islam yang disemarakkan oleh *Ikhwanul Muslimin* di Mesir, dalam bentuk organisasi yang lebih mantap. Strategi 'pengkaderan' yang dilakukan oleh *Ikhwanul*

*Muslimin* berjaya melahirkan golongan pewaris pejuang Islam di seluruh dunia termasuk di Tanah Melayu. Gelombang kebangkitan Islam yang diperjuangkan oleh Kaum Muda atau golongan reformis berjaya membuka minda orang Melayu umumnya. Akhirnya mereka ini digolongkan oleh penjajah British sebagai golongan radikal dalam sejarah perjuangan menentang mereka. British memperkenalkan Akta Darurat 1948 bertujuan membendung kebangkitan rakyat. Pengenalalan akta tersebut menghalalkan tindakan British menangkap dan memenjarakan tokoh-tokoh Melayu Islam. Malah gerakan Islam turut diharamkan. Pengisytiharan Darurat pada tahun 1948 mewujudkan *political vacuum* yang bertujuan untuk menyekat proses kebangkitan orang Melayu di Tanah Melayu. Lantaran itu, perjuangan Islam merupakan sebuah perjuangan yang bersifat perkembangan yang tidak seharusnya dilupakan atau ditinggalkan oleh orang Melayu. Namun harus diingat Islam yang bersifat dagang dan akan kembali bersifat dagang sekiranya orang Melayu leka dan lupa kepada sejarah perjuangan bangsanya sendiri.

#### RUJUKAN

- Abdul Muta'al Al-Jabari.1987. *Zaman Penyiksaan Penjara dan Tali gantung*. Terj. Syeikh Fakhruddin Muhammad Taha. Kuala Lumpur: GG Edar.
- Abdul Rahman Abdullah.1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al Syeikh Sa'id Hawwa.1985. *Jundullah, Jihad Fi Sabilillah (Jihad Pada Jalan Allah)*. Terj. Md. Akhir Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Auni Abdullah.1991. *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Awang Had Salleh.1977. *Institusi Pondok di Malaysia*, dlm. Zainal Kling (peny.), *Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Burhanuddin Al Helmy.1956. *Teks Ucapan Dasar* (versi Bahasa Inggeris), Mesyuarat Agong Tahunan ke-5, Kuala Lumpur: Pejabat PAS Pusat.
- Burhanuddin Al Helmy.1946. *Perjuangan Kita*. Singapore: Parti Kebangsaan Melayu Malaya.
- CO273/534. *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*. December 1926.
- CO537/3751/136798. *Pan Islamic Movement*.
- CO537/3751/136798. *Pattani Affiars*.
- CO537/6016. SECRET. *Anti-British Propaganda Among Malay Pilgrimage at the Hejaz*.
- Fadhullah Jamil.2000. *Islam di Asia Barat Moden, Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*. Batu Caves: Thinkers Library.
- Garis Panduan Khurafat dan Azimat. 1997. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu Dalam Era Teknologi Maklumat, Antara Akal Budi Melayu dengan Budaya Fakir Digital*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ismail Hj. Ibrahim, Ismail Abd. Rahman dan Mat Aris Dollah. 1993. Syeikh Tahir Jalaluddin, dlm. Ismail Mat. (peny.). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayuddin Haji Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maymon Arif. 1973. Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930an, dlm. Jurnal *Jebat*. Bangi: Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Saat  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan  
E-mel: ishakhj@fsk.upsi.edu.my
- Khairi Ariffin  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan  
E-mel: khairi.ariffin@fsk.upsi.edu.my
- Mohammad Redzuan Othman. 2005. *Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia 1800-1963*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1994. *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abu Bakar. 1994. *Potret Masa. Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi*. Petaling Jaya: Gateway.
- Muhammad Abu Bakar. 1997. Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985. dlm. Norazit Selat (ed). *Ekonomi dan Politik Melayu*, Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihyia As-Sharif, Gunung Semanggol, 1934-1959*. Bangi: Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siddiq Fadil. 1998. *Minda Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Syed Muhammad Naquib Al Attas. 1990. *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Syeikh Junid Thala, Ulama terkenal di Mandailing dan Perak. *Utusan Malaysia* bertarikh 4 September 2006.

Diserahkan: 15 Ogos 2021

Diterima: 15 Disember 2021